

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 ( 69 )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014/2014-2015)  
BILANGAN 2 TAHUN 2014**

<b>Tarikh</b>	: 26 Mac 2014 (Rabu)
<b>Masa</b>	: 9.30 Pagi – 12.23 Petang
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, <b>MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.</b>
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampirkan kehadiran

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 8 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Februari dan Mac tahun 2014.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

- 3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, MBPJ kerana memberi kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Keadaan ini tidak akan tercapai tanpa adanya komitmen yang jitu dan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan semangat kerja berpasukan oleh Ahli Majlis dan wargakerja Majlis itu sendiri. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua wargakerja, juga Ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tingkat profesionalisme yang lebih tinggi.



- 3.2 Indeks Harga Pengguna ataupun *Consumer Price Index* bagi bulan Januari 2014 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa peningkatan sebanyak 3.4% bagi tempoh yang sama iaitu 109.5% pada Januari 2014 berbanding dengan 105.9 pada januari 2013. Perbelanjaan pengguna bagi 3 sektor melihatkan satu peningkatan yang tinggi. Sektor makanan menyumbang 39.4% dari segi kenaikan harga keseluruhan manakala pengangkutan menyumbang 23.6% dan perumahan, air dan elektrik pula adalah 20.9%. Aliran semasa menunjukkan bahawa harga bagi keperluan tersebut dijangka akan meningkat lagi terutamanya dengan kedudukan mata wang negara yang lemah, harga hasil pertanian naik serta peningkatan tarif elektrik. Susulan itu, adalah dijangkakan bahawa masyarakat akan belanja lebih berhemah yang mana corak perbelanjaan ini akan mendatangkan impak kepada pasaran ekonomi dan sektor perniagaan. Ke arah itu, Majlis sebagai PBT yang berdekatan dengan orang awam perlu mengambil langkah yang wajar bagi memudah carakan proses perancangan dan kelulusan yang meningkatkan kadar pembangunan seperti mempercepatkan proses pertimbangan kelulusan dan pelesenan, mengkaji semula prosedur dan garis panduan yang menjadi halangan kepada urus tadbir yang baik serta kesetiaan kakitangan menghulurkan bantuan meringankan bebanan ahli masyarakat. Sebagai contohnya premis perniagaan yang disubsidikan oleh Majlis seperti pusat penjaja dan pasar haruslah menawarkan harga jualan yang lebih rendah berbanding dengan premis perniagaan swasta lain demi memberi balasan kepada orang awam, *after all tax payers are contributing towards the cost of construction and maintenance.*

### 3.3 INISIATIF HIJAU

Selain daripada fokus kepada perkhidmatan asas iaitu tuntutan tugas hakiki yang meliputi penyelenggaraan jalan, parit, longkang, lampu jalan, kutipan sampah dan pembersihan awam, kesesakan lalulintas, Majlis juga akan terus berusaha gigih untuk melaksanakan pelbagai program yang dapat memberi tambah nilai (*value added*) kepada penduduk seperti inisiatif hijau melalui program Low Carbon Green City, Skim Rebat Cukai Taksiran, Projek Pengkomposan Sisa Organik, Pemasangan Lampu LED di Lorong Belakang, Parkir percuma bagi pembeli kereta hibrid di PJ dan Anugerah Tokoh Hijau.

- 3.3.1 MBPJ dengan kerjasama First Energy Networks Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) telah membina sebuah stesen Mengegas Kereta Elektrik secara percuma di Ibupejabat MBPJ.

Pembinaan stesen mengecas kereta elektrik ini adalah selaras dengan inisiatif majlis untuk memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah dan seterusnya PJ Berdaya Huni menjelang tahun 2030. Di antara 4 elemen dan 35 kriteria kecil yang diamalkan oleh majlis di bawah *Low Carbon Cities Framework*, elemen Urban Transport dengan fokus kepada mod pengangkutan dan perjalanan yang menjanakan karbon dioksida yang rendah diberi galakan pelaksanaan. Insentif majlis termasuk menawarkan pelekat meletak kereta satu tahun secara percuma kepada pembeli kereta hybrid di Petaling Jaya dan juga memberikan insentif rebat cukai taksiran sehingga 20% kepada pemilik kereta hybrid. Sejak tahun 2011, sejumlah RM225,000.00 insentif kepada pemilik kendaraan berkarbon rendah. Sebagai pecahan, sejumlah 209 pelekat meletak kereta dengan nilai harga ringgit Malaysia 223,800 telah diberikan. Ini merupakan inisiatif Majlis sebagai dorongan galakan kepada masyarakat untuk mengamalkan norma gaya hidup hijau, mesra alam dan mampan.

- 3.3.2 Selaras dengan hasrat MBPJ menjadikan Petaling Jaya Bandaraya Mampan Menjelang 2030, satu program akan diadakan pada 29 Mac hingga 1 April 2014 di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Pengisian program pada kali ini adalah PJ Safe... Safety For All : Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera, Bazar Kraf Selangor dan Hari Tanpa Kereta.

Program ‘PJ Safe...Safety For All’: Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera merupakan salah satu elemen Pelan Induk Keselamatan Majlis. Situasi keselamatan pada hari ini boleh dianggap sebagai kritikal, kerana pelbagai kes-kes jenayah dan keganasan terutamanya melibatkan kaum wanita. Baru-baru ini, kita turut digemparkan dengan sebuah kes yang berlaku di kawasan tempat letak kereta berhampiran Hospital Putrajaya, apabila seorang wanita berusia 40-an telah diculik, dirompak, seterusnya di bawa ke suatu tempat yang sunyi dan dibogelkan serta dicabul. Kejadian seumpama ini sememangnya sangat ditakuti oleh kaum wanita terutamanya apabila terpaksa keluar rumah bersendirian.

Ini juga merupakan usaha Majlis ke arah melaksanakan inisiatif Kejiranan Hijau dan mempromosikan gaya hidup sihat dan selamat.

Penyediaan pelbagai program dan aktiviti ini bertujuan untuk menghidupkan serta mempromosikan Pusat Bandar Seksyen 52 bagi menarik lebih ramai pengunjung dan secara tidak langsung membantu meningkatkan ekonomi para peniaga di kawasan tersebut. Justeru itu, beliau menyertu seluruh warga Petaling Jaya, Ahli-ahli Majlis dan warga kerja MBPJ supaya bersama-sama hadir memeriahkan program ini.

### 3.4 PERJUMPAAN ADUN DAN MBPJ

Antara perkara yang dibincangkan ketika perjumpaan ADUN yang diketuai oleh Y.B. Elizabeth Wong dan Y.B. Yeo Bee Yin ialah :-

- 3.4.1 Mulai tahun 2013, Majlis telah melaksanakan mesyuarat pemantauan projek bersama ADUN dan Ahli Majlis setiap 3 bulan sekali mengikut zon Parlimen. Tujuannya untuk memastikan semua projek yang telah dirancang untuk tahun tersebut dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Setiap kemajuan projek kerja, berkala dan perkhidmatan yang telah dibincangkan akan dimasukkan di dalam laman web MBPJ dan akan dikemaskini dari masa ke semasa untuk makluman penduduk Petaling Jaya.
- 3.4.2 Projek-projek MARRIS akan dilaksanakan mengikut ADUN dan projek mengikut jalan. Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat masih belum diterima oleh Majlis.
- 3.4.3 Isu-isu berkaitan dengan pembersihan dan kutipan sisa pepejal di Petaling Jaya. Majlis telah mengambil semua pandangan untuk penambahbaikan kepada sistem pengurusan pembersihan dan kutipan sisa pepejal oleh kontraktor yang dilantik. Majlis bersetuju untuk mengatur jadual pembersihan dan kutipan sisa pepejal sebaik mungkin untuk mengatasi masalah aduan sampah.
- 3.4.4 Bilangan aduan yang diterima oleh Majlis agak tinggi dan jawapan kepada pengadu tidak memuaskan kerana masih ada lagi jawapan yang masih tidak menepati kehendak pelanggan. Majlis memandang serius terhadap perkara ini dan telah membincangkan secara terperinci dan memutuskan supaya satu standard of procedure aduan dikeluarkan pada minggu pertama bulan April 2014. SOP ini akan disediakan oleh Unit Aduan Awam. Sistem aduan berkomputer akan diselaraskan bersesuaian dengan SOP ini. Adalah diharapkan dengan adanya SOP ini dan sistem yang diselaraskan akan meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan Majlis.



**MAJLIS TAKLIMAT PELAKSANAAN PINDAAN SYARAT NYATA  
TANAH BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN  
DIJALANKAN DI BANGUNAN KEDIAMAN (PERINGKAT MAJLIS  
BANDARAYA PETALING JAYA)**

Taklimat ini diadakan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan yang dibenarkan dijalankan di bangunan kediaman perlu membuat pindaan syarat nyata tanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56). Selepas pindaan syarat nyata tanah dijalankan, pemilik atau pengusaha boleh meneruskan aktiviti perniagaan masing-masing selagi mana yang dikehendaki tanpa perlu lagi memperbaharui kelulusan kebenaran merancang dan membayar fee secara tahunan kepada Majlis. Bagi perkara ini, majlis akan mengeluarkan kebenaran merancang (Borang C1) secara kekal.

Di Petaling Jaya, lokasi-lokasi bangunan kediaman yang dibenarkan dijalankan aktiviti perniagaan atau dikenali juga sebagai “perdagangan terhad” (*limited commercial*) telah kenal pasti dan diwartakan melalui Penyediaan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ 1) Dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2).

Mulai 4 April 2014, permohonan kebenaran merancang dan lesen perniagaan di bangunan kediaman tidak akan dipertimbangkan lagi melainkan pindaan syarat nyata tanah telah dibuat. Bagi tujuan ini permohonan kebenaran merancang dan pindaan syarat nyata tanah boleh dikemukakan secara serentak di kaunter OSC Majlis.

**3.6 *EMPOWERING COMMUNITY***

Majlis akan melibatkan penduduk dalam meningkatkan pemantauan terhadap perkhidmatan kontraktor Majlis dalam penyampaian perkhidmatan Majlis terutama dalam bidang kebersihan awam dan kutipan sisa pepejal. Sebagai projek perintis Majlis akan dimulakan di Taman Gasing Indah, Seksyen 5 dan SS22 Petaling Jaya.

Tujuannya ialah untuk memastikan kebersihan dan pengindahan kawasan pentadbiran MBPJ berada di tahap yang terbaik dan dapat meningkatkan hubungan di antara majlis, penduduk dan kontraktor pembersihan kawasan. Secara tidak langsung dapat mengurangkan aduan. Majlis amat mengalu-alukan penglibatan penduduk dalam projek perintis ini.

**OPERASI PENGUATKUASAAN**

Pihak Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan *car wash* di seluruh kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Sebanyak 220 tindakan sitaan *car wash* yang menjalankan perniagaan tanpa lesen telah berjaya dilaksanakan. Operasi tertumpu kepada premis persendirian dan tempat awam. Operasi ini bertujuan untuk memastikan pengusaha mempunyai lesen perniagaan yang sah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Kesemua tindakan dijalankan di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MBPJ) 2007 dan undang-undang yang berkaitan. Pihak Majlis juga telah menghantar senarai pengusaha tanpa lesen kepada pihak SYABAS untuk tindakan selanjutnya.

**3.8 PELAKSANAAN HARGA TERENDAH BAGI SEMUA PEROLEHAN JABATAN/AGENSI DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 9 / 2014 yang bersidang pada 26 Februari 2014 dan disahkan pada 5 Mac 2014 bersetuju semua jabatan di bawah pentadbiran Negeri Selangor membuat pemilihan pembekal / kontraktor yang menawarkan tawaran harga terendah setelah melepassi penilaian teknikal seperti yang telah digariskan mengikut tatacara kewangan semasa.

Beliau berharap supaya semua perancangan dan pelan tindakan dapat dilaksanakan dan dicapai dengan sokongan padu dan komitmen semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis serta seluruh masyarakat dan penduduk Petaling Jaya. Kesungguhan jentera pelaksana dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan agar kita terus relevan dan selari dengan keperluan, tuntutan serta kehendak rakyat.

**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-****4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 1 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 26 Februari 2014 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara 6.2 iaitu Ahli Majlis hanya menerima maksima Plot Ratio 4 untuk TOD.

**4.2 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 5 TAHUN 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

4.2.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bilangan 5 Tahun 2013 (penggal 2012/2013) yang telah diadakan pada 20 Disember 2013 disahkan tanpa pindaan.

**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 FEBRUARI 2014. (PENGGAL 2014/2015)**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.9.4	<b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 24 FEBRUARI 2014.</b> - Pada dasarnya Ahli Majlis bersetuju dengan konsep TOD di bawah RTPJ 1 dan RTPJ 2. Walaubagaimanapun Ahli Majlis tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan nisbah plot 6.0.	Jabatan mengambil maklum bantahan Ahli Majlis terhadap cadangan melaksanakan TOD dengan nisbah plot 1:6 yang akan dimasukkan di dalam kertas kerja Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 2) dan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan1) untuk dibentangkan di dalam Jawatankuasa Perancang Negeri.



**SULIT**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.2	<p>c) Menerima zon pembahagiaan kawasan Ahli Majlis 2014 dan 2014/2015 sebagaimana di kertas kerja perkara 5.2 Lampiran C sementara perbincangan semula kawasan pemantauan zon diantara Ahli Majlis (mengambil kira permohonan Ahli Majlis Encik Ariffin bin Mahaiyudin untuk ke zon 18).</p> <p>d) Bersetuju dengan persempadanan semula zon bagi zon 15, zon 16, zon 17 dan zon 18.</p>	<p>Zon pembahagiaan kawasan Ahli Majlis 2014 adalah seperti di lampiran A.</p> <p>Perbincangan menetapkan :-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Zon 14 - Dr. Streram a/l Sinnasamy</li><li>ii) Zon 15 - Encik Mahharul bin Ismail</li><li>iii) Zon 18 - Encik Ariffin bin Mahaiyuddin.</li></ul> <p>Persempadanan semula sebagaimana persetujuan mesyuarat adalah seperti berikut:-</p> <p>Zon 15 – Sek 2, Sek 3, Sek 4 dan Sek 51</p> <p>Zon 16 – Sek 1, Sek 1A dan Sek 18</p> <p>Zon 17 – PJS 1 dan PJS 3</p> <p>Zon 18 – PJS 2 dan PJS 4</p>



**SULIT**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
8.4.2	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau berharap agar Majlis dapat menangani krisis air yang sedang melanda di kawasan Selangor. Beliau berharap agar tangki-tangki air ditambah. Selain daripada krisis air yang melanda Petaling Jaya, masalah banjir juga perlu diberi perhatian serius di mana terdapat sesetengah kawasan dilanda banjir.</li></ul>	<p>Pada masa ini, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ mempunyai sebanyak 20 tangki air statik dan kapasiti ini mencukupi untuk menampung permintaan bekalan air jika diperlukan oleh penduduk Petaling Jaya iaitu mengikut pusingan catuan air oleh pihak SYABAS. Walau bagaimanapun sekiranya berlaku permintaan diluar jangkaan tambahan tangki air akan dibuat mengikut keperluan dari masa ke semasa.</p> <p>Bagi isu masalah banjir, Jabatan sedang mengatasi masalah tersebut secara keseluruhan dan berperingkat di beberapa kawasan yang terlibat dengan melantik perunding bagi membuat kajian keseluruhan kawasan-kawasan banjir di Majlis.</p>



**SULIT**


RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
8.7.1 (b)	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau mengemukakan pertanyaan penduduk berkaitan sampan yang akan dikeluarkan oleh MBPJ sekiranya terdapat tempat pembiakan jentik-jentik di rumah penduduk.</li></ul>	Bagi mana-mana kawasan yang berada di bawah penyelenggaraan kontraktor pembersihan kawasan Majlis, sekiranya terdapat masalah longkang tersumbat sehingga menyebabkan pembiakan jentik-jentik, maka Jabatan akan mengambil tindakan kompaun ke atas kontraktor kawasan yang bertanggungjawab.
8.7.1 (c)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Polisi Majlis di mana sekiranya pemaju belum menyerahkan kawasan kepada Majlis, MBPJ tidak akan membuat kutipan sampah terutama sampah kebun.</li></ul>	Bagi pembangunan baru yang siap sepenuhnya pihak pemaju hendaklah bertanggungjawab untuk membuat penyerahan kawasan kepada Majlis bagi kerja-kerja kutipan dan pembersihan awam dapat dibuat oleh Majlis sepenuhnya.



**SULIT**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
8.13.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TEH CHI CHANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau berharap agar Ketua Jabatan terutama Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar melihat semula tuntutan-tuntutan projek di dalam sistem adalah selaras dengan projek yang dijalankan bagi mengelakkan aduan daripada penduduk.</li></ul>	Jabatan mengambil maklum ke atas perkara ini dan akan melihat semula tuntutan projek agar selaras dengan projek yang dijalankan.





**SULIT****6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS****6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 3 MAC 2014, 10 MAC 2014 DAN 18 MAC 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (2)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (4)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (7)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 3 MAC 2014, 4 MAC 2014, 11 MAC 2014 DAN 17 MAC 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (2)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (4)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (5)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (9)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 4 MAC 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (31)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 4 MAC 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (35)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 3 rujukan 7.1 di muka surat 4 di bawa semula ke mesyuarat untuk perbincangan semula.



Buat sementara waktu segala program di tapak diberhentikan sehingga ada keputusan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.**

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara berikut:-

- a) Perkara 7.3 di muka surat 8 iaitu permohonan daripada Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan untuk membaik pulih rumah sampah.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa penyelenggaraan rumah sampah adalah di bawah tanggungjawab JMB bukan di bawah tanggungjawab MBPJ. Sekiranya rumah kos rendah tiada JMB, maka perkara ini boleh dibawa kepada Kerajaan Negeri. ADUN kawasan boleh mengemukakan isu ini kepada Kerajaan Negeri agar pada masa akan datang isu seperti ini dapat diselesaikan.

**Tindakan : Ahli Majlis dan ADUN berkaitan, MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 10 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (25)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 13 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (71)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut dengan pindaan seperti berikut:-

Muka surat 37 perkara 7.8 para 5 penambahbaikan ditukar kepada kajian semula.



Muka surat 37 perkara 7.9 tambahan ayat seperti berikut:-

..... disebabkan terdapat banyak aduan daripada penduduk Petaling Jaya berkaitan bajet yang terlalu banyak untuk program ini. Encik Azri bin Mohamad Arish meminta agar diadakan taklimat ringkas kepada Ahli Majlis berkaitan perkara ini untuk penambahbaikan program.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ.**

- 6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 (119)]**

- 6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut.
- 6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan pandangan daripada Puan Sia Siew Chin berkaitan perkhidmatan bas percuma di laluan SS 2/24 dan SS 2/5 memandangkan terdapat 2 buah pusat NGO di laluan tersebut.
- 6.7.3 Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa selepas Mesyuarat Majlis akan diadakan sesi lawatan laluan bas percuma untuk cadangan dan penambahbaikan oleh Ahli Majlis dan Ketua Jabatan.
- 6.7.4 Tuan Ir. Lee Suet Sen turut mencadangkan agar MBPJ memberi penjelasan kepada penduduk berkaitan laluan yang dipilih dan atas dasar apa laluan tersebut dipilih agar penduduk faham konsep Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

- 6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (2)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**



- 6.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 4.3.2 di muka surat 6 dan dalam masa yang sama satu taklimat perlu diadakan bagi menyokong keputusan majlis melantik Akauntan Awam Bertauliah – Encik Mok Chew Yin bagi menjaga kepentingan Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.**

- 6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 20 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (107)]**

- 6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

- 6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 20 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (84)]**

- 6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

- 6.11 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAH BERTARIKH 26 MAC 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (100)]**

- 6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

- 6.11.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 6.3.4 di muka surat 42 bagi Pembangunan Pasar Basah dan Kering di Sek 17/38 agar lawatan tapak dibuat dan semakan semula berdasarkan jumlah penduduk sama ada sesuai atau tidak dibina satu tingkat pasar basah dan kering sebagaimana cadangan Encik Teh Chi Chang.

- 6.11.3 Bagi perkara 7.5.1 di muka surat 44, Mesyuarat memutuskan agar penguatkuasa membuat rondaan secara berkala.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN****7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

7.1.1 Beliau mencadangkan agar Majlis mengadakan kempen penggunaan basikal daripada Stesen MRT ke rumah atau pejabat di State untuk menyokong laluan basikal yang telah ditubuhkan dua (2) tahun yang lepas di Petaling Jaya.

7.1.2 Selain daripada itu Majlis perlu menyediakan tempat meletak basikal di stesen-stesen MRT bagi kemudahan penduduk untuk menyokong kempen penggunaan basikal di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH**

7.2.1 Beliau berharap agar Unit Aduan mengambil pendekatan serius berkaitan sistem aduan dan SOP aduan.

**Tindakan : Pengarah, Aduan Awam, MBPJ.**

7.2.2 Beliau turut memaklumkan hasil pra mesyuarat sebelum mesyuarat majlis di antara Ahli Majlis seperti berikut:-

- a) Memohon agar diadakan seminar atau taklimat kepada semua MPP memandangkan sepanjang tujuh (7) tahun perkhidmatan sebagai Ahli Majlis, MBPJ belum mengadakan seminar berkaitan MPP.
- b) Berharap agar Majlis menjaga kebajikan Pembantu Ahli Majlis terutama dari segi perubatan dan lain-lain kemudahan sebagaimana kakitangan majlis.
- c) Perkara-perkara yang melibatkan polisi sama ada patut diubah atau tidak hendaklah dikaji bersama-sama Ahli Majlis.

7.2.3 Beliau mencadangkan agar hari keluarga MBPJ diadakan.

**Tindakan : Pengarah Perhubungan Awam, MBPJ,  
Timbalan Setiausaha, MBPJ,  
Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

**7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

- 7.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka Pengerusi. Beliau memberi ulasan sekiranya Majlis mempunyai SOP akan tetapi dari segi pelaksanaan tidak dibuat dan tiada kerjasama daripada jabatan, tidak akan memberi kejayaan ke atas apa yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kerjasama antara jabatan ditingkatkan. Perkara menuding jari kepada jabatan lain perlu dielakkan bagi penyelesaian masalah.
- 7.3.2 Beliau berharap agar perkara-perkara dibawah dapat diselesaikan iaitu:-
- Pada pandangan beliau sistem aduan tiada masalah akan tetapi pelaksanaan oleh pegawai dan kakitangan Majlis adalah masalah utama yang perlu diselesaikan.
  - Polisi tender perlu di kaji semula.
  - Bagaimana maklumat-maklumat sulit boleh tersebar kepada orang awam. Tindakan perlu diambil ke atas kakitangan terlibat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat perlu memainkan peranan menyiasat perkara ini.

**Tindakan : Pengarah Aduan Awam, MBPJ,  
Juruukur Bahan, MBPJ,  
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.25 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 18 April 2014

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

- |   |   |           |
|---|---|-----------|
| 01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,<br>Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. Tuan Puasa bin Md Taib,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.       |   |           |
| 03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                  |   |           |
| 04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,<br>Ahli Majlis, MBPJ.        |   |           |
| 05. Encik Tang Fuie Koh,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                    |   |           |
| 06. Encik Mahharul bin Ismail,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |   |           |
| 07. Puan Cynthia Gabriel,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                   |   |           |
| 08. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |   |           |
| 09. Encik Tony Cheong Siew Thong,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |   |           |
| 10. Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |   |           |
| 11. Encik Suriase a/l Gengiah,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |   |           |
| 12. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,<br>Ahli Majlis, MBPJ.      |   |           |
| 13. Encik Chiang Chian Fu,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                  |   |           |
| 14. Encik Teh Chi-Chang,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                    |   |           |
| 15. Encik Oon Chong Ling,   |   |           |



**SULIT**

- Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ang Ming Ern,  
Ahli Majlis, MBPJ.
  17. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
  18. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
  19. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
  20. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
  21. Puan Sia Siew Chin,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.



09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,  
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Zainun binti Zakaria,  
Wakil Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Puan Nordiana binti Roslan,  
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Encik Hasrizal bin Abdul Rahim,  
Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Zatul 'Iffah binti Azizan,  
Wakil Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Encik Zey Iskandar bin Mohd Jalil,  
Wakil Penolong Pengarah Kanan (Korporat),  
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.
22. Puan Azizah binti Haji Kosni,  
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran Am),  
Bahagian Pentadbiran Am/Urusetia, MBPJ.



**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Peter Chong,  
Wakil Ahli Parlimen Subang.
04. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
05. Encik Ali Firdaus bin Othman,  
Wakil ADUN Taman Medan.
06. Encik Venayagamurthy a/l Arumugam,  
Wakil ADUN Seri Setia.

**AHLI KO-OPT:**

01. Encik Muhammad Zamani bin Othman,  
Wakil Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Selangor.

**URUSETIA :**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.